


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from Thursday 9 February 2023, 11pm to Friday 10 February 2023, 12am. Patrons may experience intermittent connectivity to NLB websites...

Baki tiga tempat pesilat ditentukan 16 September

BERITA HARIAN, 29 August 2005, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL26354

Printer-Friendly Page

Baki tiga tempat pesilat ditentukan 16 September

TARIKH 16 September ini bakal merupakan hari penentuan bagi enam pesilat yang terpaksa menentang satu sama lain untuk merebut tiga tempat lagi ke Sukan SEA Manila.

Meskipun kesemua pencalonan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) diterima oleh Majlis Sukan Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), tiga kategori mempunyai dua pencalonan. SNOC menye-

rahan kepada mereka untuk membuat pemilihan.

Dalam bahagian seni perseorangan lelaki, Dzulkarnain Abdul Raziz akan bersaing dengan Muhammad Hadi Jaine sementara dalam bahagian tanding kelas C, Mohd Zulfakar Mohd Ramli perlu berdepan dengan Mohd Shakir.

Dalam tanding kelas G pula, Abdul Kadir akan menentang Mohd Iswandy Sapi untuk merebut hak ke Manila.

Sementara itu, Presiden Persisi, Abdullah Shafie Sidik, mengingatkan para pesilat yang terpilih agar melipatgandakan latihan dan usaha kerana mereka kini memikul harapan besar negara.

“Penerimaan kesemua pencalonan ibarat satu penghormatan kepada para pesilat kita.

“Pada masa yang sama, ia juga satu kepercayaan agar kita memberi yang terbaik mungkin dan pulang dengan membawa pingat.

“Ini adalah satu tanggungjawab besar dan saya harap para pesilat tidak akan mengecewakan harapan negara,” kata Abdullah.

Dalam Sukan SEA yang la-

- oleh : i Zainal Jamari.

lu di Vietnam, Singapura membawa pulang tiga pingat emas.

Menurut Pengarah Teknikal Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob, yang baru pulang dari Vietnam, negara tersebut bakal menguasai acara silat kali ini.

Sebagai persiapan Sukan SEA, Persisi bakal menghantar satu pasukan ke kejohanan silat di Switzerland bulan depan dan kemudian mengadakan latihan dalam kem selepas Hari

Raya.— (



BELUM TERJAMIN: Abdul Kadir Ibrahim (*kanan*) dan Mohd Zulfakar Mohd Ramli perlu terlebih dahulu bersaing dalam kategori masing-masing untuk merebut tempat ke Manila.

foto fail